

D612

B B838 AAB
MAHATHIR-PERHIMPUNAN

KUALA LUMPUR, 20 SEPT (BERNAMA) -- SIFAT KESEDERHANAAN DALAM UMNO YANG MENGAMBILKIRA KEADAAN MASYARAKAT BERBILANG KAUM DI MALAYSIA AKAN MEMBOLEHKAN PARTI ITU TERUS MENERAJUI BARISAN NASIONAL DAN MEMIMPIN KERAJAAN, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

BELIAU BERHARAP SIFAT INI AKAN DIBERI PERHATIAN OLEH PIHAK-PIHAK LAIN DI NEGARA INI.

SEMASA BERCAKAP PADA PERSIDANGAN AKHBAR SELEPAS PERHIMPUNAN AGUNG UMNO KE-37 DI SINI, PERDANA MENTERI YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA WALAUPUN UMNO MENDAPAT KEJAYAAN CEMERLANG PADA PILIHAN RAYA UMUM YANG LEPAS, PARTI ITU TETAP MENUNJUKKAN SIKAP KESEDERHANAAN DAN REALISTIK TERHADAP KEADAAN YANG ADA DI NEGARA INI.

BELIAU BERKATA WALAUPUN USUL YANG DIBAWA OLEH PARA PERWAKILAN MUNGKIN KERAS TETAPI MEREKA MEMPUNYAI PANDANGAN YANG SEDERHANA.

USUL-USUL MEREKA JELAS MENUNJUKKAN SOKONGAN MEREKA KEPADA APA JUA TINDAKAN YANG DIAMBIL OLEH MAJLIS TERTINGGI UMNO DAN KERAJAAN, TEGASNYA. -- LAGI.

2131MST 20 09 86

D614

B B839 AAB
MAHATHIR-PERHIMPUNAN 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MENARIK PERHATIAN BAHAWA INI MEMBUKTIKAN UMNO MENYOKONG BN DAN DASAR KERAJAAN.

OLEH ITU KERJASAMA ANTARA KAUM DI NEGARA INI PENTING BAGI MENGEKALKAN SUASANA STABIL DI DALAM NEGARA.

MENGENAI TAMBAHAN BILANGAN USUL YANG DIBAWA PADA PERHIMPUNAN ITU, BELIAU BERKATA KEBANYAKAN USUL YANG DITIMBULKAN TELAH DILAKSANAKAN SETAKAT YANG TERMAMPU.

MENURUTNYA PARA PERWAKILAN MENUNTUT KERAJAAN MENUNAIKAN SEGALA JANJINYA DAN KERAJAAN PULA MEMANG BERHASRAT UNTUK BERBUAT DEMIKIAN.

BAGAIMANAPUN, TERANGNYA, YANG MENJADI MASALAH IALAH FAKTOR-FAKTOR DI LUAR DUGAAN DAN INI MENYEBABKAN KERAJAAN TIDAK DAPAT MENUNAIKAN JANJI DENGAN SEPENUHNYA. -- LAGI.

2134MST 20 09 86

B B841 AAB
MAHATHIR-PERHIMPUNAN 3 KUALA LUMPUR

MENGENAI DASAR EKONOMI BARU (DEB), PERDANA MENTERI BERKATA NAMA DASAR ITU TIDAKLAH PENTING, TETAPI YANG LEBIH PENTING IALAH MATLAMAT DEB UNTUK MEMBASMI KEMISKINAN TANPA MENGIRA KAUM DAN MENYUSUN SEMULA MASYARAKAT AKAN DITERUSKAN.

PERDANA MENTERI JUGA DITANYA MENGAPA BELIAU DAN TIMBALAN PRESIDEN DATUK MUSA HITAM TIDAK MEMBERIKAN APA-APA PENJELASAN TENTANG APA YANG DIKATAKAN KRISIS HUBUNGAN ANTARA MEREKA BERDUA.

BELIAU BERKATA BAHAWA BELIAU TIDAK MEMBUAT PENJELASAN SUPAYA KES ITU DITUTUP SAHAJA.

KATANYA SESIAPA SAHAJA BOLEH MEMBUAT ANDAIAN MASING-MASING MENGENAI PERKARA ITU.

+DATUK MUSA SENDIRI TELAH MENYATAKAN PANDANGANNYA MENGENAI PERKARA ITU DALAM UCAPAN BELIAU SEMASA MENGGULUNG PERBAHASAN+, JELAS PERDANA MENTERI.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENEGASKAN WALAUPUN PEMIMPIN DATANG DAN PERGI, NAMUN UMNO AKAN TETAP KEKAL MENERUSKAN PERJUANGANNYA.

KENYATAAN PERDANA MENTERI ITU DIPERSETUJUI OLEH DATUK MUSA SENDIRI YANG DUDUK DI SEBELAHNYA SEMASA PERSIDANGAN AKHBAR ITU.

+TIDAK SEORANGPUN PEMIMPIN UMNO YANG KEKAL. SAMA ADA SAYA, DATUK MUSA ATAU DATUK SERI SANUSI TETAPI UMNO AKAN TETAP WUJUD+, TEGAS BELIAU. -- LAGI.

2142MST 20 09 86

B B846 AAB

MAHATHIR-PERHIMPUNAN 4 KUALA LUMPUR

MENGENAI SUNGUTAN SEORANG ANGGOTA PERGERAKAN PEMUDA YANG MENDAKWA BAHAWA BELIAU TIDAK +DIBELA+ OLEH MANA-MANA PEMIMPIN, PERDANA MENTERI MEMBERI JAMINAN PUCUK PIMPINAN AKAN MEMBANTU SEKADAR YANG PATUT BAGI MEREKA YANG MENGHADAPI MASALAH SEUMPAMA ITU.

WAKIL PEMUDA ITU SEMASA MENGEMUKAKAN USUL PENDIDIKAN PADA PERHIMPUNAN AGUNG SEMALAM MENIMBULKAN MASALAH DIRINYA YANG DIGUGURKAN DARIPADA JAWATAN EXCO NEGERI DAN +DITEMBAK+ KERANA BERSUARA LANTANG MEMPERJUANGKAN DASAR PUCUK PIMPINAN TETAPI TIDAK MENDAPAT PEMBELAAN DARIPADA MANA-MANA PIHAK.

MENGENAI KOMANWEL, PERDANA MENTERI BERKATA MALAYSIA BUKAN HENDAK MENGAJI MENGENAI PENARIKAN DIRI DARIPADA PERTUBUHAN ITU TETAPI MENGAJI FAEDAH YANG DIPEROLEH MENJADI ANGGOTANYA.

KATANYA BANYAK NEGARA YANG SUDAH LAMA MENGANGGOTAI PERTUBUHAN ITU KINI CUBA MEMBELAKANGKANNYA DAN MENYERTAI PERTUBUHAN LAIN.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA: +KALAU KITA TIDAK MENDAPAT APA-APA FAEDAH, KITA HARUS MENGAJI APA SEBABNYA KITA PERLU BERADA DALAM PERTUBUHAN ITU+.

-- BERNAMA

2204MST 20 09 86